



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI
24
MAY 2021 APRIL 2022

NO ISSN: ISSN: ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UITM CAWANGAN TERENGGANU

PENAMBAHBAIKAN STRATEGIK SEKTOR PERUNCITAN

Rabitah Harun¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Arau, Perlis.

Koresponden: rabitah@uitm.edu.my

Malaysia turut menerima kesan daripada pandemik COVID-19 yang secara langsung telah memberikan impak negatif terhadap ekonomi negara. Sektor peruncitan berskala kecil turut berdepan dengan pelbagai cabaran terutama ketika tempoh pandemik COVID -19. Pelbagai tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha menangani wabak ini, seperti perintah berkurung, sekatan perjalanan, serta konsep penjarakan sosial telah mempengaruhi operasi harian serta turut menjejaskan pendapatan para peniaga. Kesyediaan para usahawan bagi memastikan perniagaan terus beroperasi amatlah menjadi keutamaan. Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR) turut mendapat tempian kesan daripada pandemik ini.

Mengikut rekod yang diberikan oleh pihak FAMA, sejumlah 368 AKR yang masih aktif diseluruh negara (rujuk rajah 1). FAMA selaku agensi pelaksana memainkan peranan besar dalam memastikan kestabilan di samping mengekalkan jumlah bilangan pengusaha AKR yang aktif agar objektif kewujudan projek AKR ini tercapai. Untuk itu penyelidik telah menjalankan satu kajian lapangan yang melibatkan keseluruhan pengusaha Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR) yang terdapat di seluruh Malaysia. Proses pengumpulan data telah dijalankan selama 4 bulan secara bersemuka, manakala bagi kawasan yang agak terpencil di Sabah dan Sarawak kaedah atastalian digunakan bagi menjejaki para pengusaha.

Seramai 213 pengusaha bersamaan 57.9 peratus yang telah memberikan maklumbalas serta berkongsi pandangan mereka terhadap keperluan elemen improvisasi dalam menguruskan perniagaan yang dijalankan.

Dapatan kajian telah membuktikan bahawa penambahbaikan (improvisasi) strategik menjadi salah satu faktor penting yang menyumbang kepada peningkatan prestasi perniagaan terutama


dalam sektor perniagaan berskala kecil dan mikro. Penyelidik telah berjaya menemukan beberapa dapatan yang menarik untuk dijadikan panduan kepada semua pengusaha AKR. Terdapat lapan (8) item yang digunakan untuk mengenal pasti tahap improvisasi strategik para pengusaha AKR. Dapatan dalam bentuk data frekuensi adalah seperti berikut:

- 91.0 peratus - Keupayaan untuk bertindak balas terhadap sebarang masalah yang timbul dalam perniagaan dengan kadar segera
- 88.6 peratus - Berkemampuan untuk mengenal pasti peluang bagi proses kerja yang baharu - 88.6%
- 95.2 peratus - Sentiasa berusaha untuk mencuba pendekatan baharu dalam menyelesaikan masalah
- 90.6 peratus - Berani mengambil risiko dalam memperolehi idea baharu untuk perniagaan saya
- 90.3 peratus - Menampilkan keunikan dalam menjalankan perniagaan
- 92.2 peratus - Sentiasa mempelbagaikan jenis tindakan dalam membuat perancangan
- 91.6 peratus - Berupaya mengekalkan produktiviti perniagaan dalam apa jua keadaan yang mencabar
- 97.7 peratus - Menjadikan strategi perniagaan sebagai rujukan dalam menghadapi perubahan persekitaran perniagaan

Melalui sokongan yang berterusan daripada pihak kerajaan terutama FAMA, usahawan AKR mampu mengadaptasikan elemen inovasi yang strategik dalam menjalankan perniagaan mereka. Berdasarkan pengamatan penyelidik sendiri beserta maklumat yang diperolehi semasa sesi temu-bual yang dijalankan, majoriti usahawan AKR mempunyai kebolehan untuk bertindak dengan segera apabila berdepan dengan sebarang situasi serta halangan dalam menguruskan perniagaan.

Keberanian usahawan untuk menerima serta mengadaptasi perubahan berdasarkan situasi semasa daripada kaedah konvensional kepada kaedah yang terkini serta moden dengan menggunakan teknologi semasa turut memberi impak dalam peningkatan hasil jualan serta pendapatan usahawan.

Kemampuan seseorang usahawan untuk berani mencuba pekara yang baru, adalah perlu ketika berdepan dengan iklim perniagaan yang mencabar serta berdaya saing. Bantuan serta sokongan yang berterusan dari pelbagai pihak serta agensi, membantu meningkatkan lagi inovasi strategik dalam kalangan usahawan. Apa yang penting, keyakinan diri yang kuat, cekal, serta pemikiran yang strategik mampu mengubah saiz perniagaan dari skala kecil kepada yang lebih besar dan lebih menguntungkan. Segala cabaran serta kesukaran dalam tempoh pandemik dapat diatasi sebaiknya dengan keupayaan untuk membuat pembaharuan yang lebih strategik.



Rajah 1: Jumlah Kedai AKR yang terdapat di Seluruh Malaysia.

RUJUKAN

- [1] PhD Thesis, Rabitah Harun, Universiti Utara Malaysia, 2021.
<https://www.fama.gov.my/utama>